

BULETIN

DIS
JUN
2015

POLITEKNIK PORT DICKSON

Bersama Menuju Kecemerlangan



FIRA '15

“ Kontigen RIG PPD yang telah dinobatkan sebagai Johan keseluruhan Pertandingan Robotik 8th FIRA Malaysia Cup 2015 ”

Dari Meja Pengarah

“Banyak kejayaan dan kecemerlangan dilalui semasa penyertaan tersebut. Rasanya kita telah berjaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pementapan organisasi melalui aktiviti yang begitu berfaedah bagi PPD”

Bismillahirrahmannirahim. Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi dan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menerbitkan Buletin keluaran Pertama tahun 2015 ini. Harapan saya agar wadah dan peristiwa yang dipaparkan dalam Buletin ini akan dapat mengeratkan silaturahim dan hubungan muhibbah dengan semua pihak, demi kemajuan dan kecemerlangan akademik di PPD.

Kini, kita telah pun berada di akhir tahun dalam menggalas tanggungjawab kepada pelajar dan juga masyarakat secara amnya. Sepanjang masa tersebut, banyak aktiviti di peringkat dalaman mahupun di luar telah disertai oleh segenap lapisan warga kerja PPD. Banyak kejayaan dan kecemerlangan dilalui semasa penyertaan tersebut. Rasanya kita telah berjaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pementapan organisasi melalui aktiviti yang begitu berfaedah bagi PPD. Oleh yang demikian, saya sangat berharap semoga kesungguhan ini akan mempertingkatkan kegigihan dan bakti mulia untuk sentiasa menjana kecemerlangan politeknik ini ke mercu yang lebih gemilang. Saya sentiasa menaruh keyakinan bahawa barisan pensyarah dan staff di sini berkemampuan menaburkan bakti untuk memperkasakan lagi Politeknik Port Dickson di peringkat global.

Di samping itu, saya juga berharap semoga para pelajar dapat mempertingkatkan ketekunan dalam usaha menimba ilmu, terutama untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Sesungguhnya, ilmu dan pengetahuan yang kita taburkan akan menjadi obor yang sangat berguna dalam hidup sepanjang zaman. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam usaha membangunkan sahsiah dan pementapan organisasi di PPD.

Sekian wassalam.

MEJ.(K) HAJI MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM., DNS
Pengarah
Politeknik Port Dickson

-Kupasan Menarik-



Sidang Redaksi

PENAUANG

MEJAR (k) TN.HJ.MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM.,DNS

PENASIHAT

Charim bin Ibrahim
Mohd Asri bin Sarbun

Ketua Editor

Izawati @ Siti Zawiyah bt Isa

Pen. Ketua Editor

Nagarajan aL Marimuthu

Editor

Rohana bt Hassan Basri

Azilah bt Asri
Juhana bt Simarani

Reka Bentuk Grafik
Azrin bin Mohammad
Muhamad Haffizi bin Jamil

Juru Foto

Mohd Sani Laili b Maslon

SETIAUSAHA 2015 OPTIMISTIK KE ARAH PROFESIONALISMA

Mac - Julung-julung kali Sambutan Hari Setiausaha 2015 diadakan diperingkat Negeri Sembilan disambut meriah dengan kehadiran hampir 40 orang setiausaha bekerja di sektor kerajaan dan swasta. Majoriti peserta melahirkan perasaan gembira dan sangat berpuas hati kerana tugas mereka sebagai orang penting dalam membantu pentadbiran organisasi dihargai. Ada yang telah menjawat tugas ini selama berbelas-belas atau berpuluh tahun dan tahun 2015 inilah akhirnya mereka dirai dan lebih-lebih lagi dengan kehadiran VIP kerajaan negeri diadakan sesi bual bicara dan jamuan makan di hotel terkemuka di Seremban.

Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Mat Ali Hassan mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif pengendalian majlis seumpama ini yang pertama kali diadakan untuk para setiausaha agensi kerajaan dan swasta. Beliau menyarankan agar para setiausaha terus optimistik ke arah profesionalisma dengan lebih cemerlang. Sambutan Hari Setiausaha 2015 di negeri ini yang dianjurkan oleh pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan semester akhir, Politeknik Port Dickson bersama pensyarah mereka Pn Noorji Mohd Japar. - *Juhana*



Pengarah PPD (duduk berkemeja biru) dan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Mat Ali Hassan (duduk berkemeja kuning) bergambar kenangan bersama urusetia dan para setiausaha agensi kerajaan dan swasta di majlis sambutan Hari Setiausaha 2015.



Ketua Jabatan Perdagangan dan pensyarah yang hadir di majlis tersebut.

SEMINAR AKPK pelajar JP



Cik Monarita sedang mengendalikan program seminar AKPK di Dewan Kuliah 4, PPD

Mac -Penglibatan 300 pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson dalam pelbagai jurusan pemasaran, kewangan dan kesetiausahaan dalam satu seminar Pengurusan Kewangan Peribadi (AKPK) berjaya memberikan impak positif. Ketepatan perkiraan dalam membuat keputusan kewangan bakal menentukan kesenangan dalam kehidupan mereka di masa hadapan.

Penceramah jemputan, Monarita Junaidi, Eksekutif kanan Unit Institut Pengajian Tinggi AKPK (Agensi Kewangan dan Pengurusan Kredit) Kuala Lumpur, memberikan penerangan yang lebih jelas mengenai perkembangan masa kini terutama dari segi pinjaman, pembelian aset, tempoh bayar balik yang munasabah dan komitmen yang pelbagai. Perkara ini haruslah dirancang dengan teliti supaya pelajar tidak terjerat dengan masalah kewangan kelak. - *Juhana*

Projek Pemasaran Pupuk Budaya Kerja Kreatif Pelajar DPR

Mac - Pihak Jabatan Perdagangan berkeyakinan bahawa pelaksanaan aktiviti pelajar dimestikan untuk menyiapkan satu rancangan perniagaan dan pelan pemasaran yang lengkap untuk satu produk inovasi. Ia juga dilihat dapat menghasilkan graduan Diploma Pemasaran yang berpengetahuan, berwawasan dan berketerampilan.

Objektif kursus ini adalah untuk menguji sejauh mana para pelajar menguasai konsep pemasaran, merancang dan merekabentuk satu pelan pemasaran yang komprehensif. Selain memupuk budaya kerja yang kreatif dan inovatif di kalangan para lulusan politeknik. Aspek-aspek seperti kerjasama berkumpulan, ketepatan masa dan budaya penyelidikan menjadi elemen penting dalam pelaksanaan kursus ini. Kali ini pihak jabatan mendapat khidmat juri penilai dari Politeknik Medan, Indonesia Ibu Efni Siregar dan Ibu Nursiah Burhan, dan panel dari agensi tempatan seperti Etiqa Takaful, BFM Media dan Creative Energy Resources. - *Juhana*



Kumpulan Natural Green Enterprise antara kumpulan yang menghasilkan produk yang kompeten.

KEPENTINGAN ADAB DALAM KEHIDUPAN PELAJAR



Penceramah sedang menyampaikan ceramah motivasi



Gambar bersama penceramah selepas program

Feb – Kejayaan sebagai seorang pelajar hanya boleh dicapai dengan keseimbangan (*Emotion Intelligence*) EQ dan (*Intelligence Quotient*) IQ supaya individu menjadi lebih beretika dan mempunyai adab yang dikenali sebagai EQ. Program yang dinamakan Kursus Kepentingan Adab Dalam Kehidupan Pelajar adalah anjuran bersama Unit Bimbingan Dan Kauseling dan Jabatan Matematik, Sains & Komputer. Kursus berkenaan dihadiri oleh 204 pelajar Politeknik Port Dickson dan 20 Pelajar Sekolah Menengah Agama Telok Kemang bersama 7 pensyarah dan 2 guru sekolah di Dewan Kuliah 4, PPD. Penceramah jemputan dari Akademik Sinergi Ikhlas Sdn. Bhd, Fazrul bin Ismail menjelaskan tentang peradaban kepada ibubapa, pensyarah, rakan sebaya dan masyarakat, adab ketika bersama dengan golongan bukan muhrim, adab ketika menuntut ilmu serta mengetahui adab ketika menggunakan media sosial. - Noorrahani

Kejayaan Besar **JKE** di *iComEx'15*

Mac - Sekali lagi JKE telah menyertai pameran dan pertandingan *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx)* 2015 yang diadakan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra Kedah pada 24- 26 Mac yang lalu. Terdapat 2 kategori penyertaan iaitu kategori terbuka (berkonsepkan pertandingan dalam pameran) dan kategori pembentangan kertas penyelidikan inovasi pensyarah. Bagi kategori pembentangan inovasi pensyarah, Pn Munirah Binti Md Nujid telah memenangi Pingat Emas dengan projek inovasi bertajuk Measurement Trainer Kit. Manakala bagi kategori terbuka, 4 Pingat Perak telah dimenangi oleh 4 kumpulan pelajar bersama penyelia masing-masing iaitu En Mohd Zaiham, Pn Rozaini Rahi, Pn Munirah dan En Mohamad Zamri melalui projek *Isolator Seed Chillies Machine, Electro-Kinetic Road Bump, Smart Food Warmer (SFW)* dan *Electric Wiring & Solar Trainer (EWST)*. Pingat Gangsa pula dimenangi oleh 1 kumpulan pelajar dengan tajuk projek *Solar Charger Power Bank (SCPB)*. Penyertaan JKE dalam pertandingan kali ini membuahkan hasil apabila semua penyertaan dari kumpulan pelajar dan pensyarah ini berjaya mendapat pingat. -muhaihi

KELAS "PEMBUGARAN"

Mac - 105 pelajar mengikuti kelas pemulihan Kursus BA 201 dan DBS 1012 anjuran Jabatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK). Fasilitator dilantik dari kalangan pensyarah JMSK berjaya memberikan komitmen sepenuhnya dalam penyediaan ABM, soalan-soalan lepas dan aktiviti pelajar. Pihak JMSK akan meneruskan aktiviti ini pada semester hadapan dengan penjenamaan baru agar pelajar berminat menghadiri aktiviti ini. - Siti Morni



Kelas Pemulihan Sesi Dis 2014- 1



Kelas Pemulihan Sesi Dis 2014-5

ITEX'15

Platform Belia Berinovasi

Mei – Hingga kini, sudah ke 26 kali Malaysian Invention & Design Society (MINDS) menyediakan platform kepada golongan muda untuk berinovasi dengan kerjasama pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MINDS) di KLCC. JKE telah menghantar penyertaan diwakili oleh 5 pensyarah dan 2 pelajarnya menghasilkan inovasi produk dinamakan Smart Food Warmer (SFW). SFW merupakan alat pemanas makanan yang mampu memanaskan makanan sehingga suhu maksimum 56°C dengan menggunakan elemen pemanas transistor jenis MOSFET. Alat ini mempunyai pelbagai kelebihan seperti mesra alam kerana tidak menghasilkan asap, mudah alih, ringan, jimat tenaga dan mempunyai indikator LED dan suara bagi memberi penunjuk makanan telah siap dipanaskan. Walau bagaimanapun, penyertaan JKE kali ini telah berjaya mendapat pingat perak. -Azilah



MTE Open – PAMER INOVASI GLOBAL



Pelajar dan pensyarah JKM yang terlibat dalam lawatan ke MTE 2015

Feb - Unit Projek JKM telah membuat program lawatan ke Pameran Inovasi sempena MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2015 (MTE 2015) peringkat kebangsaan yang telah diadakan di PWTC Kuala Lumpur. Seramai 60 pelajar dan 20 pensyarah telah mengikuti program ini. Pameran ini disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam kategori akademik dan bukan akademik pelbagai negara. Pelbagai produk yang dipamerkan dari pelbagai agensi dalam dan luar negara dalam usaha memasarkan produk hingga menembusi pasaran dalam dan luar negara. Malah ada juga produk yang masih dalam pembangunan lagi. Ini memberi peluang produk tempatan meluaskan pasaran ke tahap yang lebih global. Maklumat yang diperolehi daripada lawatan ini, para pensyarah dan pelajar dapat menjana idea-idea dalam membina inovasi terkini dan kajian di masa hadapan. - Nor Hafidzah Mohd Husni

PROGRAM KASIH THE HOPE




Aktiviti dalam Program Kasih The Hope di Kem Rimba Ria, Ulu Langat

Mac - JKE telah mengambil inisiatif baru bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar yang mendapat keputusan Kedudukan Bersyarat (KS) dan Gagal Berhenti (GB) pada sesi Jun 2014 lalu dengan menganjurkan Program Kasih 'The Hope' JKE. Seramai 53 orang pelajar terpilih mengikuti program ini selama 3 hari di Kem Rimba Ria, Hulu Langat. Ianya bertujuan untuk memberi suntikan semangat kepada para pelajar agar terus berusaha keras dalam akademik mereka. Tiada istilah pensyarah meminggirkan pelajar dalam bilik kuliah gara-gara lemah belajar. Malahan dorongan dan semangat yang dipulihkan sedikit sebanyak akan menyuntik kembali keinginan mereka untuk terus berusaha memperbaiki kelemahan diri. -Muhaini



Kejayaan RIG robotic 8th FIRA



Mei – Menang keseluruhan dalam pertandingan Robotik 8th FIRA Malaysia Cup 2015 sekali lagi menjulang nama Politeknik Port Dickson mengungguli inovasi dan kreativiti bidang ini selepas kemenangan tahun lalu mengalahkan 24 pasukan dari politeknik Malaysia dan universiti tempatan.

Turut menghantar wakil adalah penyertaan dari sekolah menengah Negeri Sembilan (SM Kurshiah, SM Agama Teluk Kemang dan SM Teknik Tuanku Jaafar) dan penyertaan daripada Politeknik Negeri Medan (POLIMED), Indonesia menghantar 3 pegawai dan 8 pelajar mereka.

Melalui usaha dan komitmen berterusan Robotics Interest Group Politeknik Port Dickson (RIG PPD) telah menghantar kontinjen terbesar pada kejohanan ini bagi menyertai 4 daripada 6 kategori (kecuali MiroSot dan SimuroSot) yang dipertandingkan di Politeknik Ungku Omar. 6 kategori telah dipertandingkan kali ini iaitu kategori HuroCup, RoboSot, MiroSot, SimuroSot, AndroSot dan MyBot. Emas untuk RoboSot (Localization Challenge and Avoidance Challenge), Androsot (Free Kick) dan MyBot (Curling). Perak untuk HuroCup Kid (Sprint, Lift and Carry, Penalty Kick), RoboSot (Open Creative Challenge, Soccer Competition) dan Androsot (Dribble and Attack). Gangsa untuk HuroCup Kid (Obstacle Run) dan Androsot (Soccer)

Kontinjen Politeknik Port Dickson yang terbesar ini terdiri daripada 18 orang pegawai PPD, 27 orang pelajar PPD, 3 orang guru sekolah dan 6 orang pelajar SM Kurshiah, SM Agama Teluk Kemang dan SM Teknik Tuanku Jaafar). Penyertaan pasukan RIG PPD dalam 8th FIRA Malaysia Cup 2015 kali ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Delegasi Politeknik Negeri Medan (PolMed) yang terdiri daripada 3 orang pegawai dan 8 orang pelajar.

Tahniah dan syabas kepada kontinjen RIG PPD yang telah dinobatkan sebagai Johan keseluruhan Pertandingan Robotik 8th FIRA Malaysia Cup 2015 dengan memenangi 4 emas, 6 perak dan 2 gangsa.

Melalui kejayaan ini, PPD telah dikenali oleh masyarakat luar di mana ia membuktikan bahawa politeknik mempunyai tenaga kerja yang berpotensi besar untuk menghasilkan generasi yang kreatif dan berinovatif di samping mempromosikan politeknik ke arah hub robotik kelas pertama. Semoga usaha dan komitmen ini akan terus memberikan kejayaan demi kejayaan kepada PPD dalam bidang robotik. -Tham



PPD Pertandingan msia cup 2015



JALINAN ERAT DENGAN



sesi bergambar

April - Dalam usaha untuk menjalin hubungan yang lebih erat dengan pihak industri, satu lawatan akademik ke Coca-Cola Bottlers (M) Sdn Bhd, Bandar Enstek telah diadakan bersama 5 orang pensyarah JKM serta 28 orang pelajar semester akhir dari pelbagai program (DAD, DTP, DKM dan DEM). Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia industri pembuatan sebenar melalui ceramah atau taklimat yang disampaikan oleh pakar-pakar yang berkecimpung dalam dunia industri dan melalui pencerapan pelajar-pelajar sendiri selepas melawat loji pengeluaran di CCMB. Ceramah atau taklimat yang diberikan adalah berkaitan dengan kursus Quality Control (JF608), Maintenance Management (JJ616) dan Industrial Automation (JM608).


Sepanjang program ini, pelajar dan pensyarah diberi penerangan secara langsung bagaimana minuman Coca-Cola dan minuman lain dihasilkan oleh syarikat ini melalui teknologi automasi dan cara mengurus serta menyenggarakannya. Selain daripada itu, di penghujung lawatan juga, para pensyarah dan pelajar turut dapat melihat sendiri bagaimana operasi penghasilan air minuman ini dilaksanakan. Secara keseluruhannya, aktiviti lawatan akademik ini haruslah diteruskan kerana ia dapat memberi pendedahan dan manfaat secara langsung kepada pelajar dalam kursus-kursus yang dipelajari. -Tham Sook Chan

AKTIVITI GO GREEN JKM

Feb - JKM telah menjalankan aktiviti gotong-royong yang dinamakan sebagai GO Green JKM di sekitar kawasan JKM. Aktiviti kursus praktikal yang bertemakan alam sekitar ini adalah bertujuan untuk memelihara kawasan sekitar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bagi mewujudkan suasana yang lebih selesa dan ruang pekerjaan yang lebih seimbang dengan kehijauan. Seramai 33 orang peserta yang terdiri dari kalangan pensyarah JKM telah menyertai aktiviti ini.

Bermula dari jam 9.00 pagi berkumpul di perkarangan hadapan Pentagon JKM untuk taklimat dan diteruskan dengan aktiviti yang telah dirancang iaitu pengagihan anak pokok dan kawasan sekitar JKM dan membersihkan kawasan sekitar kolam ikan. Aktiviti ini berakhir jam 5.00 petang.

Melalui aktiviti ini dapat memupuk minat peserta dalam menjaga alam sekitar, menggunakan ruang sedia ada untuk tujuan penanaman pokok bagi menambah ruangan hijau di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Disamping itu, ia dapat mewujudkan ikatan ukhwah yang lebih baik dikalangan staf dan semangat kerjasama dalam membentuk satu pasukan yang lebih efektif dan dinamik. - Nor Hafidzah



Lawatan ke POLITEKNIK PADANG realitikan impian PPD



Delegasi PPD ceria bergambar kenangan bersama staf dan pensyarah PNP di kampus Politeknik Negeri Padang, Limau Manis Padang Indonesia

Jan - Lawatan delegasi dari PPD di kalangan pensyarah dan pegawai ke Politeknik Negeri Padang dalam rangka untuk meluaskan lagi rangkaian kerjasama dengan institusi luar negara. Ini selaras dengan kehendak Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) dan ISTN Jakarta dan Politeknik Negeri Medan yang telah sedia terjalin.

Pelbagai kerjasama bakal dapat direalisasikan di antara kedua-dua institusi ke arah pengembangan ilmu yang lebih baik dan global. Perkongsian ilmu merentasi kedua-dua negara dalam bidang akademik dan teknikal akan menjadikan sistem pendidikan di politeknik khususnya di PPD akan lebih berdaya saing dan mantap.

Disamping itu, pensyarah mendapat impak dari pendedahan perkembangan teknologi di negara-negara ASEAN disamping mengeratkan hubungan silaturrahim dan hubungan kerjasama nasional di antara dua buah negara. - Iskandar

DRAMA PENTAS BAHASA TAMIL KEBANGSAAN

Mei - Kumpulan drama tamil PPD telah berjaya melayakkan diri ke Peringkat Akhir Pertandingan Drama Pentas Bahasa Tamil Kebangsaan "Orangga Nadagam" anjuran syarikat TV ASTRO dan Vanakkam Malaysia.Dot.Com. Sebelum ini PPD telah menghantar 6 kumpulan secara keseluruhan untuk peringkat saringan (Mac), 2 kumpulan berjaya ke peringkat Separuh Akhir (April) dan satu kumpulan telah berjaya ke peringkat Akhir (Jun). Kumpulan PPD memenangi beberapa anugerah antaranya lakonan mantap daripada semua wakil. Institusi pengajian tinggi yang menghantar bilangan peserta paling ramai (30 orang) dan persembahan luar biasa iaitu bagi menghidupkan watak lakonan sebagai orang kerdil pelajar berkenaan mengikat ketat kedua belah kaki untuk tempoh melebihi 40minit. Kejayaan kumpulan PPD dibantu oleh M.Nagarajan, Deenesh Kumar, Dinesh Kumar, Gouri, Hema, Karthega, Sharonjit Kaur dan P.Sarojini. Rakaman pertandingan ini disiarkan menerusi Astro Vaanavil (saluran 201) bermula pertengahan bulan Mei 2015 atau awal bulan June 2015. -Deenesh



KUMPULAN YANG BERJAYA MASUK KE PERINGKAT AKHIR "ORANGGA NADAGAM"

PPD JUARA WANITA GOLF SIRKIT 1

Mei - Tahniah kepada pasukan Golf PoliPD yang terdiri daripada Mohd Fahim bin Zulkafele dan Siti Balqis Lokman kerana berjaya menjadi Johan (kategori wanita) dan Tempat ke-6 (kategori lelaki) di Kejohanan Golf Sirkuit 1 Politeknik Malaysia 2015 yang berlangsung pada 16 Mei 2015 di Dalit Bay Golf dan Country Club Kota Kinabalu, Sabah. Tahniah juga diucapkan kepada Pengurus/Jurulatih Pasukan, Mohd Shah Rizan Nizam bin Abd Manap dan Cik Nurshahrul Atikah diatas kejayaan tersebut. -Azharizal



Siti Balqis bergambar bersama tuan pengarah PPD, Mejar (K) Tuan Haji Kharir Mohd Ibrahim dan jurulatih beliau setelah menjuarai pertandingan golf kategori wanita

MAJLIS PENGHARGAAN

BADAN BERUNIFORM 2015

April - Jabatan Sukan Kebudayaan dan Kokurikulum (JSKK) Politeknik Port Dickson berjaya mengadakan program Majlis Penghargaan Badan Beruniform Politeknik Port Dickson sesi Disember 2014. Dengan menggabungkan 3 badan uniform yang ditubuhkan di Politeknik Port Dickson iaitu Pasukan Uniform Askar Wataniah (AW), Pasukan Uniform Pertahanan Awam (PISPA) dan Pasukan Uniform Relawan Siswa Siswi (RELASIS). Perhimpunan berkenaan telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah, Mejar (K) Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim dengan diiringi oleh Timbalan Pengarah dan pihak pengurusan PPD yang menyarungkan sut mewakili badan uniform masing-masing. Jutaan terima kasih kepada pegawai dan jurulatih pasukan serta semua anggota beruniform yang terlibat. Sesi perhimpunan ini akan diadakan pada sebagai acara pada setiap semester. -Azharizal



Mejar (K) Tuan Haji Mohd Kharir Mohd Ibrahim (berkaca matagelap) bergambar bersama gabungan badan uniform PPD pada hari majlis penghargaan.

BAND BUSKING PPD RANGKUL 4 KATEGORI

Mac - Kumpulan Kecut and The Megatron Politeknik Port Dickson beroleh 4 kemenangan di dalam pertandingan kebudayaan di Ipoh, Perak lalu. Antara anugerah yang berjaya diraih adalah Naib Johan Busking, Naib Johan Band, Anugerah Vokal Terbaik Band dan Susunan Muzik Terbaik Busking. Kumpulan muzik ini yang terdiri dari band dan busker telah mengadakan beberapa persembahan secara live antaranya semasa perhimpunan bulanan staf Politeknik Port Dickson dan sering menyertai pertandingan di luar mewakili Politeknik Port Dickson. Kumpulan ini telah dibimbing oleh Pegawai Kebudayaan PoliPD iaitu Pn Nurfarizah Binti Ishak dan Cik Nurshahrul Atikah Binti Ishak. Diharapkan dengan kecemerlangan kumpulan pemuzik ini akan memberi lebih inspirasi dan semangat kepada semua warga PoliPD dalam kecenderungan muzik dan kebudayaan. -Azharizal



Kumpulan Kecut and The Megatron Politeknik Port Dickson

AIN ARINA EMAS

TAEKWANDO DI THAILAND

Mei – Pingat emas milik Ain Arina binti Abd Majid, pelajar Diploma Seni Bina PPD dalam kategori terbuka di Kejohanan Taekwando Nonthaburi di MCC Hall, The Mall Ngamwongwan, Thailand. Nama beliau turut tersenarai dalam penerima calon akhir bagi Anugerah Olahragawati Majlis Sukan Politeknik (MSP) di Majlis Anugerah Politechnic Sport Excellent 2014 yang dilangsungkan di Politeknik Kota Kinabalu pada Mei ini. Beliau dilatih di bawah pasukan Taekwando Politeknik Malaysia yang banyak pertandingan dalam dan luar negara. - Azharizal



Ain Arina Taekwando

Karnival Sukan Zon Selatan Cemerlang

Mei – Sekali lagi Pasukan MSP Zon Selatan gabungan 5 politeknik iaitu Politeknik Port Dickson (PPD), Politeknik Merlimau (PMM), Politeknik Melaka (PMK), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Politeknik Mersing (PMJ) dan Politeknik Metro JB (PMJB) cemerlang dalam Karnival Sukan Grand Final 2015 pada 4 hingga 8 Mei 2015 di PTSS, Perlis. Keputusan Kontinjen Zon Selatan sebagai Johan keseluruhan Grand Final MSP 2015 setelah memperolehi 7 Emas, 7 Perak dan 6 Gangsa melalui 6 acara sukan. Sebelum ini pertandingan di peringkat zon di Politeknik Merlimau, PPD mengungguli acara bola tampar, boling, sepak takraw, bola jaring dan badminton. Kemenangan 3 emas disumbang oleh Pasukan Bola Tampar Wanita, Beregu Wanita dan Beregu Lelaki (Badminton, manakala 6 perak disumbangkan oleh Single dan Double Event (Tenpin Bowling), Pasukan Bola Tampar Lelaki, Beregu Lelaki A, Pasukan Takraw B dan Perseorangan Lelaki (Badminton) dan 2 gangsa diperolehi dalam acara Bola Jaring Wanita dan Men Singles (Tenpin Bowling).--Azharizal



Team Badminton Zon Selatan



Team PoliPD MSP 3



Team PoliPD MSP 4



Team Takraw Zon Selatan 1



Team Tenpin Bowling Zon Selatan 2015



POLIPD RUGBY MENYENGAT DI INTERPOLY 10S 2015

Mac - Pasukan Ragbi PoliPD (PoliPD Dolpins) mempamerkan aksi terbaik dan bertenaga sepanjang Kejohanan Ragbi InterPoly 10s 2015 menumbangkan pasukan tuan rumah PMM B RC (Politeknik Merlimau) sebanyak dua kali sebelum dinobatkan johan kategori akhir Plate. PPD RC menang ketika bertemu PSAS A RC di peringkat kumpulan (5-0), suku akhir Cup/Plate (24-0). PPD bertemu PTSB RC di separuh akhir Plate (15-10) sebelumnya. Pengurus pasukan En Azharizal bin Santib (JSKK) dengan dibantu oleh jurulatih berpengalaman iaitu En Mohd Hilal b Abd Aziz (Kelab Ragbi NS Barbarian) gembira dengan disiplin yang ditunjukkan oleh ke 15 anak buahnya. - Azharizal

HARI BERSAMA IKON : IMAM MUDA HIZBUR & FAZURINA



pelajar membanjiri dewan wawasan untuk bersama ikon Imam Muda Hizbur dan Fazurina.



Urusetia program bergambar kenangan bersama selepas tamat majlis.

Mac - Pelajar semester akhir Diploma Sains Kesetiausahaan, Politeknik Port Dickson telah mengadakan program Hari Bersama Ikon dengan kerjasama Unit Kaunseling Mac lalu. Majlis dihadiri oleh 1200 pelajar PPD yang tinggal di kamsis dan luar kamsis bertempat di Dewan Wawasan PPD. Majlis menjemput ikon penceraman Imam Muda Hizbur, penceramah bebas merupakan pemenang kedua Imam Muda siri 1 dan bekas pelakon "Dunia Anita" iaitu Siti Fazurina yang kini menjadi penceramah bebas dan pengacara TV Al-Hijrah. Pelajar diberi pendedahan mengenai perancangan masa hadapan dan dalam memilih kerjaya, manfaat kesan perkahwinan di usia muda dan pertimbangan yang seimbang antara konsep kerjaya dan keluarga. Majlis diteruskan dengan sesi soal jawab dan persembahan nasyid daripada pelajar politeknik. - Siti Nurbaya

PPD road to MAMEE

Mac - Lawatan 23 pelajar jurusan perakaunan (DAT semester 3) ke kilang Mamee dan Mamee Jonker House di Ayer Keroh, Melaka sebagai pembelajaran tidak langsung untuk mendapatkan gambaran tentang apa yang sedang dipelajari dalam modul PA302 Cost Accounting. Pelajar didedahkan dengan urusan pentadbiran kilang berkenaan oleh eksekutif pemasaran Mamee, Cik Wai Wee Yip dan lawatan ke kilang serta muzium Mamee. Pengalaman pelajar membuat Mamee cup sendiri dengan kreativiti sendiri mengikut citarasa pilihan resepi sendiri sangat mengujakan mereka. Interaktif yang berkesan dengan pihak luar dapat mengeratkan jalinan tiga penjurong iaitu di antara pelajar, pensyarah dan industri - Siti Yusnida



Lawatan JP ke Akademik Audit Negara

Mac – Seramai 63 pelajar Diploma Perakaunan, Politeknik Port Dickson dan 3 pensyarah pengiring telah mengikuti lawatan ke Akademik Audit Negara (AAN) di Brickfields, Kuala Lumpur baru-baru ini. Lawatan berkenaan telah memberi impak berkesan kepada peserta untuk mengenali tugas dan perkhidmatan pegawai audit di negara ini yang sentiasa menitik-beratkan audit berkualiti dan meningkatkan akauntabiliti. Ketua cawangan Pembangunan dan penyelarasan AAN, Rozaini Ismail memberikan taklimat berkaitan akademik berkenaan bertajuk MIA & The Accountancy Profession in Malaysia dan peserta berkesempatan melawat pusat sumber AAN. - *Zuraini*



Sesi bergambar

Narec15



Perasmian Seminar Kolokium Penyelidikan dan Pendidikan Kebangsaan (NaREC'2015)



Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPP, Tuan Hj Ghaus Abdul Kadir memberi sedikit ucapan



Ucuptama disampaikan oleh Prof. Dr. Barjoyai Bardai (UNITAR)

Mei – Sebanyak 55 kertas kerja berjaya dibentangkan di Seminar Kolokium Penyelidikan dan Pendidikan Kebangsaan (NaREC'2015) yang anjuran Unit Penyelidikan & Inovasi Politeknik Port Dickson. Seminar ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam bidang penyelidikan, pengurusan, inovasi dan bidang lain yang berkaitan. Sejalan dengan Teras 3 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu "Memperteguhkan Penyelidikan dan Inovasi" dan misi dan visi JPP, maka diharapkan program ini dapat mendukung matlamat tersebut. Pembentang terdiri dari pensyarah Politeknik seluruh Malaysia, Kolej Komuniti, Universiti, MARA dan guru sekolah dalam. Manakala panel penilai kertas kerja adalah pensyarah kanan yang mempunyai PhD dari PUO, PKB, PKK, PSA, PMM dan PSIS. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik YBhg. Datuk Hj. Mohlis bin Jaafar. Manakala ucpatama disampaikan oleh Prof. Dr. Barjoyai Bardai (UNITAR). Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPP, Tuan Hj Ghaus Abdul Kadir dan Pengarah Politeknik Port Dickson Mej (K) Hj. Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, DNS. - *Rasidah Kassim*

CSR Anak Yatim Port Dickson

Jun - Sempena cuti persekolahan pertengahan 2015 ini, PPD telah mengadakan program tanggungjawab sosial kepada lebih 100 orang pelajar daripada Yayasan Anak-anak Yatim Daerah Port Dickson (YAYIDPD) di sini, baru-baru ini. Pihak penganjur menyediakan 3 program iaitu English Enrichment, Bijak Solat : Cemerlang Akademik dan Asas Microsoft Powerpoint. 18 pelajar sekolah rendah menyertai kumpulan diketuai oleh pensyarah Bahasa Inggeris, Pn Izawati Isa diberi pendedahan latihan secara santai mengenai pengenalan diri dalam bahasa Inggeris, kemahiran membaca serta bekerja secara berkumpulan. Manakala sekumpulan 15 orang pelajar sekolah rendah diberi pendedahan mengenai kepentingan solat, bacaan doa qunut dan doa iftitah yang betul yang diselaraskan oleh Ustazah Nooraini. Mereka juga didedahkan dengan cara solat berjemaah dan bekerja secara berkumpulan. Sementara itu, 51 pelajar sekolah menengah diberikan pendedahan mengenai asas powerpoint yang diketuai oleh Zahril Harun. Kesemua pelajar ini mengatakan kebaikan program seperti ini dan mereka akan memanfaatkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi. - *Fauziah Zakaria*



pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan program ini bersama YAYIDPD dan guru mereka



Salah satu aktiviti yang dijalankan



Pn Izawati Isa diberi pendedahan latihan secara santai mengenai pengenalan diri dalam bahasa Inggeris